

**JAWAPAN PERTANYAAN LISAN  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA, PARLIMEN KE-13  
DEWAN RAKYAT**

---

**PERTANYAAN** : **LISAN**

**DARIPADA** : **DATO DR MUJAHID YUSOF RAWA  
(PARIT BUNTAR)**

**TARIKH** : **2 NOVEMBER 2015 (ISNIN)**

**NO. SOALAN** : **10**

---

**SOALAN**

**Dato Dr Mujahid Yusof Rawa (Parit Buntar)** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan usaha untuk berhubung dengan semua entiti NGO bagi mewujudkan sebuah masyarakat madani yang memainkan peranan semak imbang dipelihara.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di Pertua,

JPNIN sebagai agensi Kerajaan yang berperanan memelihara dan mengukuhkan perpaduan sentiasa menyediakan ruang dan peluang kepada semua pihak untuk sama-sama bergerak ke arah usaha ini. Tanggung jawab memupuk dan mengekalkan perpaduan adalah usaha

bersama semua pihak. Sehubungan itu, penglibatan dan kerjasama pelbagai pihak dikenali sebagai Rakan Perpaduan melalui agensi Kerajaan, badan korporat dan NGO turut diberi keutamaan. Pendekatan mendampingi dan mendidik dengan izin ***engage and educate*** merupakan mekanisme yang sentiasa diketengahkan dalam menghadapi cabaran mendatang bertujuan untuk menyatupadukan rakyat. JPNIN sentiasa membuka ruang kepada semua NGO untuk bekerjasama dalam menjalankan program-program untuk mengukuhkan perpaduan rakyat. Bermula Januari sehingga Oktober 2015 sebanyak 20 program yang melibatkan 20 NGO telah menjalin kerjasama dengan JPNIN, diantaranya adalah dengan izin - ***Program Say Something Nice, Interfaith Drama & Orchestra "Bridges & Walls", World Interfaith Harmony Week (WIHW), International Day for Peace.***

Penglibatan NGO telah diberi keutamaan di dalam **Pelan Strategik JPNIN 2013 – 2017 di bawah Teras 3 – Pengukuhan Jaringan Sosial**, di mana mekanisme perpaduan sedia ada diperkukuhkan supaya berupaya membina jaringan sosial dengan agensi dan badan bukan kerajaan (NGO). Strategi pelaksanaannya dengan membina, mengukuh dan meningkatkan jaringan sosial untuk tujuan keharmonian masyarakat.

Penglibatan NGO sangat relevan dengan usaha meningkatkan perpaduan kerana penyertaannya NGO yang terdiri daripada kumpulan sasar yang mempunyai kepelbagaian latar belakang sosial, agama dan sebagainya. Ruang dan peluang yang sama diberikan kepada semua entiti NGO tanpa mengira latar belakang dan fahaman politiknya.

Maka dengan kerjasama, sokongan penuh dan usaha gigih dari semua pihak amat diharapkan dalam usaha memelihara, memupuk dan memperkukuhkan perpaduan dan keharmonian masyarakat Malaysia. **Ini adalah objektif utama seperti yang dihasratkan oleh YAB Perdana Menteri Malaysia di dalam RMK-11, Meningkatkan Kesejahteraan Rakyat.**